

11/05/2002

Megat Junid Ketua Penerangan Umno

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, 60 dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno yang baru, menggantikan Datuk Mustapa Mohamed.

Pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini, menjawab teka-teki mengenai siapa bakal mengisi jawatan kanan itu sejak ia dikosongkan 12 April lalu.

Malah, ramalan pihak media sejak kebelakangan ini sehingga menyenaraikan beberapa nama, tidak tepat sama sekali. Jawatan itu dikosongkan Mustapa yang mahu memberi tumpuan kepada tugas pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Presiden Umno itu berkata, pelantikan itu berkuat kuasa serta-merta. Megat Junid, anak kelahiran Kampung Padang, Mukim Bandar, di Teluk Intan, Perak tidak dapat dihubungi untuk ulasan kerana berada di Amerika Syarikat.

Ditanya mengenai kriteria yang ada pada Megat Junid bagi memegang jawatan berkenaan, Dr Mahathir berkata pemilihan dibuat berdasarkan kebolehan beliau bercakap, bersesuaian dengan peranannya nanti sebagai ketua penerangan.

"Yang pertama beliau pandai bercakap, kalau tak boleh bercakap tak jadi ketua penerangan. Lagipun dia orang lama Umno," katanya selepas mesyuarat itu.

Megat Junid yang menulis dua buku sejak bersara termasuk yang popular berjudul Getek, memulakan kerjayanya dalam politik pada 1972 dengan menyanggah jawatan Ketua Pemuda Umno cawangan Jalan Pegawai, Alor Star.

Beliau bertanding kerusi Parlimen Pasir Salak pada pilihan raya umum 1986 dan pertama kali dipilih menjadi ahli MT pada 1987 dan terus mengekalkannya sehingga tewas pada pilihan raya umum lalu, tetapi di kerusi Parlimen Parit.

Jawatan terakhir yang dipegangnya dalam kerajaan ialah sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebelum itu, beliau adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu ketika jawatan Menteri Dalam Negeri disandang oleh Dr Mahathir.

Pada April tahun lalu, Megat Junid kalah tipis dengan 11 undi untuk merebut jawatan Ketua Umno bahagian Pasir Salak kepada penyandangannya, Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Megat Junid adalah lulusan Universiti Malaya dan pernah bertugas sebagai guru sebelum dilantik sebagai pembantu khas kepada Dr Mahathir selaku Menteri Pelajaran pada 1975 dan setahun kemudian sebagai Setiausaha Politikannya.

(END)